

PERKAWINAN DI LUAR BIDANGKUASA
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN
DAN PENYELESAIANNYA

OLAH:
SUHAIMI BIN AB. RAHMAN

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
1985 / 86



PERKAHWINAN DI LUAR BIDANGKUASA

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN DAN PENYELESAIANYA

C
L
E
H

S H A F E I B I N A B . R A H M A N

!
!
!
!
!

KERTAS PROJEK KURSUS DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM, UNIVERSITI
ISLAM ANTARA BANGSA, PETALING JAYA, SELANGOR
MALAYSIA

.....

S E P A T A H K A T A
.....

Segala puji-puji bagi Allah yang telah mengurniakan taufik hidayat dan inayatnya kepada hamba yang lemah lagi hina ini bagi menyempurnakan kertas projek untuk melengkapi Kursus Dip;oma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Selamat sejahtera keatas Nabi Muhammad s.a.w. penyudah sekalian nabi-nabi, pengikut bagi orang taqwa dan kekasih tuhan a'lam ini. Dan juga keatas keluarganya dan sahabat-sahabatnya serta yang mengikutnya hingga hari kemudian.

Sesungguhnya kertas projek ini bukanlah merupakan suatu kajian ilmiah sebagaimana yang sepatutnya, bahkan ianya lebih merupakan suatu percubaan kajian kearah itu. Insya Allah dengan adanya percubaan ini, penulis lebih merasa yakin untuk menjalan kajian-kajian ilmiah yang suajarnya.

Oleh yang demikian, ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada semua pensyarah-pensyarah Kursus Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam Universiti Islam Antara Bangsa, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia, khususnya kepada Ustaz Abdullah bin Abas sebagai Penyelia Kertas Projek ini dengan tidak menghiaru susah payah telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan yang jurur dan ikhlas kepada penulis dalam usaha menyiapkan kertas ini.

Disamping itu juga ucapan terima syukur yang tidak terhingga kepada dua ibu bapa yang dengan susah derita memelihara dan mendidik penulis kejalan hidayat dan di-redzai Allah, juga kepada ahli rumah yang cukup bersabar memberi kerjasama dan sefahaman semasa penulis menjalani kursus, tanpa memperdulikan berat badan mengandung, lemah bertambah tenat hingga selamat melahir caya mata yang penulis menamakan dia "AHMAD TURMUZI" Syukurlah segala-galanya telah selamat.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada semua orang perseorangan dan pihak-pihak yang telah memberi kerjasama kepada penulis, dan kalau tidak kerananya, kemungkinan Kertas Projek ini tidak sempurna.

Akhir sekali penulis memohon ampun kehadiran Illahi khususnya bagi diri sendiri dan bagi mereka-mereka yang tersebut diatas dan seterusnya kepada muslimin dan muslimat samaada yang masih hidup mau pun yang telah meninggal. Sesungguhnya mendapat kemenanganlah bagi orang yang membersihkan diri serta balasan yang tidak ada tolak banding bagi orang bertaqwa dan tidak ada perseteruan kecuali keatas orang-orang yang dzolim - Wassalam.

OOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOO

OOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOOO

OOOOOOOOOOOO

K A N D U N G A N

Bil. Perkara Muka Surat

BAB PERTAMA

MUKADDIMAH

1 -	Objektif Kajian	1
2 -	Sekop Kajian	2
3 -	Metodoloji kajian	2
4 -	Perkahwinan dikalangan Masyarakat Islam Kelantan...	2
5 -	Hubungan Masyarakat Islam Kelantan Dengan Masya- rakat Islam Selatan Thailand.	8
	a - Bangsa	
	b - U gama	
	c - Sejarah	

BAB KEDUA

BIDANGKUASA MAHKAMAH SYARIAH NEGERI

KELANTAN DALAM HAL PERKAHWINAN

6 -	Wujudnya Mahkamah Syariah	12
7 -	Undang-Undang Yang Memperuntukan Bidangkuasa Mahkamah Syariah Dalam Hal Perkahwinan	17
8 -	Pentadbiran dan Perlantikan Pendaftar- Perkahwinan dan Perceraian	21
9 -	Pendaftaran Perkahwinan	23
10 -	Pendaftaran Perkahwinan Dalam Negeri	23
11 -	Pendaftaran Perkahwinan Luar Negeri	24
12 -	Pendaftaran Perkahwinan Yang belum didaftarkan Dibawah mana-mana Undang-Undang Terdahulu	25

Bil. Perkara

Muka Surat

BAB KETIGA

PERKAHWINAN YANG BERLAKU

DILUAR BIDANGKUASA

13 - Perkahwinan Yang Berlaku Di Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia	26
14 - Angka-Angka Orang-Orang Islam Kelantan Yang Berkahwin Di Negeri-Negeri Se Menanjung	31
15 - Perkahwinan Yang Berlaku Di Thailand	32
16 - Sebab-Sebab Berlaku Perkahwinan di Thailand..	34
17 - Cara Membawa Balik Isteri-Isteri Yang Meraka Kahwin Dengan Rayat Thailand	35
18 - Pentadbiran Pendaftaran Perkahwinan Di Selatan Thailand.	37
19 - Perlantikan Imam-imam Mukim Qariah Masjid ...	39
20 - Cuntah-Cuntah Surat Nikah Dari Buku-Buku Daftar Nikah Di Selatan Thailand	40
21 - Perlantikan Wali Hakim	41
22 - Perlantikan Yang Di Pertua Dan Anguta-Angguta Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Wilayah	41
23 - Perlantikan Anguta-Angguta Dan Yang Di Pertua Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Pusat	42
24 - Perlantikan Kadi-Kadi Wilayah-Wilayah	42
25 - Kesimpulan	44

BAB KE EMPAT

KESAN-KESAN PERKAHWINAN DI THAILAND

26 - Menyentuh Sah Batal Perkahwinan	45
27 - Angka-Angka Perkahwinan Orang-Orang Islam Kelantan Di Selatan Thailand	45
28 - Perlantikan Kadi-Kadi Dan wali Hakim Di- Negeri Pemerintahan Bukan Islam	47
29 - Kedudukan Perkahwinan Wali Hakim	54
30 - Wali Enggan	54
31 - Wali Ghaib	58
32 - Kupu	60
33 - Dua Marhalah Berapa Batu	68
34 - Analiasa	70
35 - Kesimpulan	72
36 - Di Antara Kes-Kes Yang dibawa KeMahkamah Syariah N. Kelantan A'kibat Dari Perkahwinan Di Thailand ..	73

BAB KELIMA

PENYELESAIAN

37 - Penyelesaian Yang Telah Di Buat Melalui Persidangan-Persidangan Ketua-Ketua Jabatan Hal Ehwal UGAMA Dan Kadi-Kadi Besar Malaysia	86
38 - Melalui Undang-Undang	92
39 - Penyelesaian Yang Di Cadangkan	97

S E N A R A I L A P E R A N

Bil. Perkara

- 1 - Laperan A - Kebenaran Perkahwinan Dan
Kebenaran Luar Luar Mukim Dan Negeri,
Borang 3C Dan 3D
 - 2 - Laperan B - Kebenaran Kahwin Luar Negeri
Yang Di Cadangkan, Borang 3D 1.
 - 3 - Laperan C - Permohonan Kahwin Lelaki
Borang 3A
 - 4 - Laperan D - Permohonan Kahwin Perempuan
Borang 3B
 - 5 - Laperan E - Permohonan Mendaftar Perkahwinan
Luar Negeri - 3H
-
-
-

BAB PERTAMA

M U K A D D I M A H

1. Objktif Kajian

Perkahwinan masyarakat Kelantan diluar bidangkuasa Mahkamah Syariah Negeri itu khususnya diwilayah-wilayah Selatan Thailand sentiasa berlaku semenjak dahulu lagi, dan akan terus berlaku atau akan terus berlanjutan kepada masa-masa yang akan datang. Hal ini agak sukar hendak dielakkan, kerana kedua-dua negeri itu berjiran. Sebagaimana juga kita tidak dapat menyekat hubungan dan keluar masuk rakyat di-
kedua negeri yang bersempadan itu.

Penulis akan mengkaji tajuk ini sejauh mana yang mampu, tujuannya untuk melihat sejauh mana perkahwinan itu berlaku dan kesan-kesan yang timbul 'akibat dari perkahwinan itu. Kalau dapat penulis akan mencadangkan bagaimana cara penyelesaian semuga sedikit sebanyak akan dapat mengurang masalah-masalah yang berbangkit.

Sebenarnya perkahwinan itu selalu menimbulkan perasaan yang tidak puas-hati dikalangan ibu bapa bila dapati anak-anak mereka pergi berkahwin disebelah selatan Thailand. Hal ini bukan sahaja dikalangan ibu bapa, kadang-kadang bolih menimbulkan keromitan kepada Pendaftar-pendaftar Perkahwinan di Negeri Kelantan untuk menyelesaikan bila perkahwinan itu berbangkit kemudiannya, dan dibawa kehadapan mereka. Sungguh pun ianya telah pernah dibincang diperingkat Kadi-Kadi Besar dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri-Negeri di Malaysia, tetapi setakat ini hasilnya belum dapat dirasa secara positif.

2. Sekop Kajian

Kajian kepada tajuk ini adalah ditumpu kepada perkara-perkara yang bolih membawa berlakunya perkahwinan diluar bidang kuasa Mahkamah Syariah Negeri Kelantan. Dan hal-hal yang bolih menimbul permasalahan akibat dari perkahwinan itu. Kerana kedua-dua perkara inilah yang menjadi perhatian dalam tajuk ini. Semuga Allah membuka hidayat dan jalan-jalan yang bolih sampai kepada maksud, agar penulis berjaya dalam usaha ini.

3. Metodoloji Kajian

Kajian-kajian dalam tajuk ini telah dibuat melalui Enakmen-Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, buku-buku Sejarah Kelantan, Kitab-Kitab Fikah, Nota-Nota, Minit-Minit, temubual dengan orang ramai, fail-fail Kes di Pejabat-Pejabat Kadi Negeri Kelantan serta lawatan ke Majlis Hal Ehwal Ugama Islam di Selatan Thailand.

Kesulitan yang timbul ialah kerana penulis tidak dapat latihan dan pengalaman yang cukup untuk mengkaji dan menyusun Kertas-Kertas Projek seperti ini. Dengan demikian mungkin akan lahir natijah yang kurang memuaskan.

4. Perkahwinan dikalangan masyarakat Islam Kelantan.

Perkahwinan adalah suatu kecenderongan semula jadi yang sentiasa berlaku dikalangan umat manusia. Ini ialah kerana Allah telah mencepta makhluk-makhluk yang hidup ini secara berpasangan, sebagaimana Firman Nya "Maha suci Allah yang telah mencipta sesuatu itu secara berpasangan, sama ada dari

tumbuh-tumbuhan dibumi atau dari mereka sendiri, atau pun dari apa yang mereka tidak ketahui"⁽¹⁾ Pasangan-pasangan itu ialah dari jenis lelaki dan perempuan. Diantara satu jenis dengan yang lain ada kecenderongan semula jadi untuk bercantum dan bersekedudukan. Itulah dia yang dikatakan perkahwinan.

Supaya percantuman itu berlaku secara suci dan mulia, maka Allah mensyariatkan peraturan-peraturan tertentu, iaitu dengan melalui satu a'kad atau ikatan maknawi yang menghalalkan kedua-dua jenis insan itu menikmati keseronokan jimak atau istimta'a, serta menghalal mereka bersekedudukan sebagai suami isteri. Allah berfirman "Dan setengah daripada tanda-tanda kebesaran dan rahmat Nya, Allah menjadikan bagi kamu pasangan (isteri) dari jenis kamu sendiri, supaya kamu senang hati dan bermasra dengannya. Dan dijadikan diantara kamu suami isteri itu berperasaan kasih sayang cinta masra satu sama lain, sesungguhnya yang demikian itu menjadi keterangan bagi orang-orang yang berfikir."⁽²⁾

Perkahwinan bukan sahaja untuk memiliki keseronokan jimak dan istimta'a atau untuk memuaskan tuntutan nafsu, tetapi tujuannya adalah lebih dari itu. Ianya disyariatkan supaya dapat membina keluarga yang mulia, serta menghasil zuriat keturunan yang ramai, berpanjangan turun temurun hingga keakhir zaman. Rasullu-Allah bersebeda yang bermaksud "Berkahwinlah kamu, sesungguhnya aku sangat berbangga dengan kamu umatku yang ramai, dan janganlah kamu jadi seperti pendita-pendita Nasrani yang tidak berkahwin dan beranak pinak."⁽³⁾

1 Surah Yasin Ayat 36

2 Surah Al-Rum Ayat 21

3 Riwayat Al-Baihaqi dari Hadith Abi Umamah.

Islam sangat menggalak perkahwinan, malah seorang laki itu dibenar berkahwin lebih dari satu hingga empat, tertakluk kepada kemampuan dan keadilan. Sebaliknya jika tidak ada kemampuan dan keadilan adalah ditegah. Allah berfirman yang bermaksud "Dan sekiranya kamu takut tidak dapat berlaku adil terhadap anak-anak yatim itu, maka kahwinlah mana-mana perempuan yang baik bagi kamu, dua tiga atau empat, tetapi sekiranya takut tidak dapat berlaku adil memadailah seorang sahaja."⁽⁴⁾ Ada kalanya berkahwin itu bolih menjadi wajib, sekiranya bagi seseorang itu ada kemudahan nafkah dan dapat bermuasyarah dengan baik dengan isterinya serta ada untuk maskahwin, dan kalau ia tidak berkahwin, tidak akan terjamin dirinya tidak jatuh kepada perkara haram, bahkan dia yakin atau berkemungkinan besar ia jatuh kepada berlaku zina, maka ketika itu ia wajib kahwin.⁽⁵⁾

Masyarakat Islam Kelantan melaku perkahwinan lazimnya mengikut Muzahab Imam Shafei. Bukan sahaja setakat itu, bahkan apa jua masalah berthabit dengan hukum-hukum Ugama adalah mengikut Muzhab itu. Ini kerana Islam datang ke negeri itu atas Mazhab Shafei. Bagitu juga Ulamak-ulamak di Kelantan asalnya mereka pergi menuntut ilmu fi-Fatoni dan Mekah, bila balik ke Kelantan mengajar dan mengembang ajaran islam diatas Muzahab Shafei, hingga terkanun didalam Undang-undang atau Enakmen-Enakmen di Negeri Kelantan dengan Muzahab ini. Umpamanya Undang-undang Majlis Ugama dan Adat Istiadat Melayu Kelantann ada menyebut:-

4 Surah Al-Nisa' Ayat 3

5 Ahkamu-al-usrah Fi-Al-Islam Juzu' awal halaman 37
Mohamad Salam Madkur

Bab ii(c) Maka berkuasalah Majlis Islam dengan kehendaknya sendiri memberi mana-mana Fatua diatas mana-mana masalah pengajaran Ugama Islam yang telah disahkan oleh Majlis Ulamak.

(d) Apabila memberi Fatua diatas masalah-masalah tersebut dalam buku kecil diatas maka Majlis Ulamak itu hendaklah lazimnya menurut kaul yang maktamad pada Muzahab Imam Shafei.

Tetapi dengan syarat jika menurut pada kaul itu kurang atau tidak ada muslihat Am maka bolihlah Majlis Ulamak itu dengan ampuni yang khas daripada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan jika difikirkan ada muslihat bahawa menurut akan mana-mana kaul yang dzoif pada muzahab Shafei berkenaan dengan masalah itu dan jika menurut akan kaul-kaul dzoif pada Muzahab Shafei itu tidak juga membawa kepada muslihat Am maka Majlis Ulamak itu bolihlah dengan ampuni yang khas daripada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menurut mana-mana kaul yang maktamad pada salah satu Muzahab-Muzahab yang tiga lagi itu jika difikir menasabah dan ada muslihat Am pada masalah itu. Peruntukan-peruntukan itu dikekalkan kedalam Enakmen-Enakmen yang disemak kemudiannya, seperti Enakmen Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu, Mahkamah Kadi Tahun 1953 dan akhirnya Undang-undang Majlis Ugama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan No. 2/1966 yang masih berkuat-kuasa sekarang.

Dalam masyarakat di Kelantan, biasanya bila seseorang anak gadis itu sudah sampai rumaja, ibu bapanya merasa tidak senang kalau anaknya itu tidak dipertunangkan. Sebaliknya mereka bergembira jika anak-anak gadis mereka dipertunangkan dengan warith-warith, terutama warith-warith yang iaub-iaub.

Tujuannya supaya warith-warith yang jauh itu diperdekat semula. Pertunangan ini kadang-kadang memakan masa lima enam tahun baru diakad nikah. Masa yang begitu lama dibiarkan untuk mematang anak-anak gadis dan bakal suaminya dalam menghadapi rumah tangga. Dalam masa itulah ibu bapa mereka membimbing dan melatih anak-anak mereka berusaha bagi menghadapi masa depan mereka, bila rumah tangga didirikan.⁽⁷⁾

Setelah sampai masa akad hendak diadakan, mereka pergi berjumpa Imam-Imam Mukim dan berunding dengannya supaya bila sampai saat yang ditunggu itu Imam dapat hadir dan perkahwinan serta Majlis Kenduri tidak tergendala dan berjaya. Mereka membuat kira-bicara dengan Imam-Imam kerana Imam-Imam Mukim itulah satu-satunya orang yang bertanggung jawab dalam perkahwinan dalam Mukimnya. Tanpa campur tangan Imam Mukim, kemungkinan perkahwinan itu gagal.

Orang lain tidak boleh mengakad nikah mana-mana perkahwinan dalam satu-satu Mukim, kecuali dihadapan atau dengan kebenaran Imam Mukim itu. Kalau dilakukan juga, sekalipun sah dari segi syarak, tetapi salah disegi Undang-undang dinegeri itu. Selepas akad nikah Imam itu mendaftarkan perkahwinannya dengan memberi kepada tiap-tiap pengantin itu satu surat pendaftaran, setelah membayar apa-apa pembayaran yang ditetapkan. Surat itu dikenal dengan nama Surat Nikah.

Cara memilih menantu pula, mereka mengutamakan orang-orang Alim. Kalau tidak dapat orang Alim, mereka memilih orang-orang Lebai atau orang-orang yang keluar dari pondok-pondok. Kalau ini tidak

7 Hasil temu bual dengan orang-orang tua di Kampong Kangkong Basir Mas pada 22hb. Disember, 1985.

diperolehi, mereka memilih orang-orang yang sudah Khatam Quran, kerana orang-orang yang sudah Khatam Quran itu lazimnya tahu Fardzu-Fardzu Ain dan sekurang-kurangnya bolih menjadi Imam Sembahyang Jumaah.⁽⁸⁾

Orang-orang Alim, Tok-Tok Guru menjadi pilihan orang-orang kenamaan dan orang-orang besar negeri untuk dijadi menantu, bagitu juga pelajar-pelajar dari Timur Tengah. Cuntuhnya Haji Ab. Samad bin Mohamad Salleh di Kelantan yang dikenali dengan Tuan Tabal seorang Ulamak besar dan masyuor telah diambil menjadi menantu oleh Dato' Semian seorang pembesar negeri, Tuan Guru Haji Abdullah Tahir yang masyuor diseluruh semenanjung hingga kekompocia, yang terkenal dengan gelaran Tok Guru Bunut Payong, telah diambil menjadi menantu oleh Dato' Bendahari Negeri.⁽⁹⁾ Banyak lagi Alim Ulamak yang diambil menjadi menantu oleh orang-orang kaya dan Dato'-Dato'. Diantaranya Allah Yarham Ustaz Mahyudin Musa bekas Pengetua Kolij Islam Malaya, Ustaz Hassan Salleh, Ustaz Hassan Idris, bekas Mudir Maahad Muhammadi Kota Bharu dan Ustaz Ab. Fattah Idris, bekas Ketua Penyelia Ugama Negeri Kelantan.

Bila pengajian cara persekolahan meluas di Negeri Kelantan, dan kelulusan serta lepasan sekolah ini telah diambil bekerja dengan Kerajaan, saperti Kerani, Guru-Guru DO dan ADO, kecenderongan memilih menantu bertukar kepada orang-orang saperti merekaitu. Dan cara pilihan orang tua, bertunang dahulu bertahun-tahun baru diakad nikah telah tidak dihormati lagi, malah ada yang

8 Ibid Kampong To' Uban Pasir Mas Kln. 23.12.1985.

9 Sejarah perkembangan Ulamak-Ulamak Kelantan oleh Nik Ab.Aziz Hj.N.Hassan hal. 41 dan hasil temu bual dengan Hj.Ahmad Nadzirin b. Hj.Abdullah Tahir sekarang Tim.Kadi Besar Kln. dirumahnya Kg. Bunut Payong pada 26.12.1985.

mahu bebas memilih Jodoh sendiri dan kalau ibu bapa tidak setuju mereka pergi ke Selatan Thailand dan kahwin disana. Hal ini lebih kerap berlaku dimasa-masa yang akhir ini disebabkan pergaulan bebas yang tidak terkawal.

5. Hubungan Masyarakat Islam Kelantan dengan Masyarakat Islam Selatan Thailand.

Hubungan masyarakat Islam Kelantan dengan masyarakat Islam Selatan Thailand telah berjaln semenjak zaman berzaman disebabkan oleh beberapa faktor berikut:-

1. Bangsa
2. Ugama
3. Sejarah

(a) Bangsa

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Islam Kelantan dan masyarakat Islam Selatan Thailand adalah dari satu rumpun Bangsa Melayu yang datang dari Tanah Besar Asia. Mereka telah datang menduduki selatan segeting kera dan seluruh semenanjung Tanah Melayu semenjak zaman belum sejarah lagi. Kedua-dua kelompok masyarakat ini tidak ada beza dari segi warna kulit, bahasa tutur kata dan cara hidup serta kebudayaan. Bahkan sama-sama menerima Islam sebagai Ugama mereka.

(b) Ugama

Kedatangan Ugama Islam kealam Melayu awal kurun kedua belas menyebabkan penduduk-penduduk disebelah sini

terutama Bangsa Melayu bertukar ugama. Dari ugama asal mereka Buda atau Hindu kepada Ugama Islam. Pertukaran ugama ini berlaku bagitu cepat dan menyeluruh disebabkan kedatangan ugama ini disambut dan diterima oleh Raja-Raja dan pembesar-pembesar negeri. Mereka inilah yang mula-mula memeluk ugama islam daripada rakyat biasa. Keadaan ini telah mempengaruhi orang-orang bawah dan rakyat jelata yang kemudiannya turut memeluk ugama islam pada keseluruhannya.

Negeri Kelantan adalah berjiran dengan Wilayah-Wilayah Selatan Thailand. Penduduk Kelantan lebih sembilan puluh peratus berugama islam. Bagitu juga penduduk-penduduk di Wilayah Selatan Thailand seperti Fatani, Yala dan Naratiwat lebih lapan puluh peratus adalah berugama Islam.⁽¹⁰⁾ Wilayah atau Cangwat Fatani telah menjadi pusat pengajian Islam secara pondok di sepanjang abad kesembilan belas lagi. Ramai orang-orang dari Negeri Kelantan dizaman itu datang ke Fatoni kerana menuntut Ilmu Ugama. Sebahagian besar dari Ulamak-Ulamak di Negeri Kelantan diabad kedua puluh adalah bekas pelajar ugama dari Fatoni. Diantaranya ialah Haji Wan Ali Kutan b. Ab. Rahman, Haji Ab. Samad b. Muhamad Salleh Al-Kelantani yang dikenal dengan Tuan Taba.⁽¹¹⁾ Kemudian yang lain-lain seperti Haji Othman b. Haji Mohamad, yang dikenal dengan Tok Bacok,

10. Hasil temubual dengan Kadi Wilayah Naratiwat Hj.Hussain b. Hj.W.Ab.Rahman dirumahnya pada 2hb. Jan., 1986.

11. Opcit Halaman - 40.

Tok Kemuni, Tok Padang Jelapang dan Tok Selehor adalah diantara Ulamak-Ulamak yang pernah pergi menuntut Ilmu di Fatoni.⁽¹²⁾

(c) Sejarah.

Dari segi sejarah pula, orang-orang Islam Kelantan dengan masyarakat Islam Selatan Thailand adalah bertali rapat. Raja-Raja yang memerintah Kelantan ada pertalian darah dengan Raja-Raja Fatoni. Dalam tahun 1686 dua orang anak Dato' Pengkalan Tua Fatoni iaitu Pemaku Raja Fatoni pada masa itu telah datang menzilah ke Kelantan. Kedua-dua itu bernama Tuan Sulong dan Tuan Besar. Kedua-duanya telah menjadi Tamu Raja Umar yang memerintah Kelantan. Akhirnya Tuan Besar yang dikenal dengan nama Long Baharu telah berkahwin dengan anak Raja Umar dan Tuan Sulong berkahwin dengan anak seorang pembesar N. Kelantan.

Tahun 1721 Raja Umar mangkat, dan Tuan Besar atau Long Baharu dipilih menjadi Raja Kelantan menggantikan Raja Umar. Dari keturunan Long Baharu ini timbul keturunan Long Yunus yang mewarisi takhta Kerajaan Negeri Kelantan hingga sekarang.⁽¹³⁾

Kemudian perhubungan Kelantan dengan Thailand sentiasa terjalin, kerana raja-raja Kelantan selalu meminta pertolongan Raja Siam dalam mempertahankan takhtanya yang sentiasa menjadi rebutan kerabat-kerabat D'Raja. Akhirnya Kelantan bernaung di bawah Raja Siam hingga tahun 1909. Mula dari tarikh itu Kelantan

12 Hasil temubual dengan orang-orang tua dikampong-kampong di-Kemubu pada 31.12.1985.

13 Kelantan dari zaman kezaman oleh Mohamad Husin Kholei Hj. Awang Cetakan Pustaka Aman K. Bharu. Hal: 82 - 87.

bertukar naungan kepada naungan British hingga merdeka tahun 1957.

Hubungan rakyat Kelantan dengan rakyat Wilayah-Wilayah Selatan Thailand pula, terutama penduduk-penduduk ditepi sempadan telah terjalin rapat, samaada kerana pertalian darah atau dalam usaha mencari kehidupan harian. Lebih aktif lagi dalam hubungan perniagaan yang hidup zaman berzaman. Hubungan itu lebih hebat lagi diwaktu akhir-akhir ini.

Zaman pemerintahan Jepun dan selepasnya, ramai penduduk Kelantan datang ke Wilayah Selatan Thailand kerana mencari kerja dan menoreh getah. Ketika itu rakyat Negeri Kelantan dalam kesempitan hidup. Diselatan Thailand banyak ladang-ladang getah dan harganya pun tinggi dari harga pasaran di Negeri Kelantan. Keadaan yang demikian ramailah rakyat Negeri Kelantan berhijrah ke Selatan Thailand kerana mencari nafkah hidup. Ada setengah bermukim disana hingga berbelas tahun.⁽¹⁴⁾

Hubungan yang bagitu kerap bukan berlaku setakat itu sahaja, malah bolih melibatkan berlaku pula perkahwinan-perkahwinan di Negeri itu. Apa lagi bila didapati perkahwinan diselatan Thailand itu lebih senang dari perkahwinan yang dilaku di Negeri Kelantan, terutama dari segi Undang-undang dan peraturan.

14 Hasil dari pengalaman penulis sendiri dan temu bual dengan orang-orang yang tinggal di Selatan Thailand kerana pergi mencari nafkah di Kampong Bendang Nyur, Tanah Merah pada 27.12.1985.

BAB KEDUA

.....

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN
DALAM HAL PERKAHWINAN

1. Wujudnya Mahkamah Syariah.

Sebenarnya tidaklah diketahui bilakah wujudnya Mahkamah Syariah di Kelantan. Mengikut kajian ini Mahkamah Syariah secara rasmi telah ditubuhkan dalam tahun 1904, iaitu semasa Tengku Long Senik memerintah Kelantan, Raja yang bergelar Sultan Muhamad Yang ke Empat.

Sungguhpun bagitu kita tidak dapat melupakan hakikat bahawa pada awal kurun kesembilan negeri Kelantan telah pun menjalan pemerintahan mengikut Undang-undang Islam. Dalam masa Tengku Long Senik Mulut Merah menjadi Raja memerintah Kelantan antara tahun 1838 hingga tahun 1886, Raja yang bergelar Sultan Muhamad ke Dua itu telah mentadbir negeri Kelantan dengan menubuh Partpolio-portpolio. Tiap-tiap portpolio itu bertanggungjawab kepada Sultan.

Portpolio-portpolio itu seperti berikut:-

1. Jumaah Menteri Perbendaharaan:

Anggota-anggotanya:

1. Tengku Bendahara.
2. Seri Maha Raja
3. Kerma Raja.

Portpolio ini bertanggungjawab memunggut dan mengawal hasil mahsul kerajaan.

2. Jumaah Menteri Peperangan

Anggota-anggotanya terdiri dari:

1. Tengku Temenggong Aria Pahlawan.
2. Seri Nara D'Raja
3. Laksemana
4. Seri Kelana D'Raja

Portpolio ini bertanggungjawab dalam hal peperangan, pertahanan dan keamanan dalam negeri.

3. Jumaah Menteri Pentadbiran.

Anggota-anggotanya terdiri dari:

1. Seri Paduka Raja
2. Seri Setia Raja
3. Seri Amar D'Raja
4. Seri D'Raja.

Portpolio ini bertanggungjawab dalam hal pentadbiran dan kemajuan negeri.

4. Jumaah Menteri Luar

Anggota-anggotanya terdiri dari:

1. Biji Sura
2. Bija Wangsa
3. Lela Utama
4. Lela Negara.

Portpolio ini bertanggungjawab dalam hal Luar Negeri.

5. Jumaah Menteri Dalam Negeri.

Anggota-anggotanya terdiri dari:

1. Kaya Perba
2. Kaya Pahlawan
3. Kaya Hulu Balang
4. Kaya Perwira.

Portpolio ini bertanggungjawab kepada hal Ehwal dalam Negeri.

6. Jumaah Menteri Istana.

Anggota-anggotanya terdiri dari:

1. Seri Rakna D'Raja
2. Betara Guna
3. Betara Setia
4. Penghulu Balai.

Portpolio ini bertanggung jawab mengenai hal Istiadat Kebesaran D'Raja dan Negeri.

Portpolio ini bertanggung jawab mengenai hal Istiadat Kebesaran D'Raja dan Negeri.

7. Jumaah Menteri Keadilan dan Kehakiman.

Anggota-Anggotanya:

1. Mufti Selaku Ketua Hakim
2. Kadi yang bertanggung jawab dengan perbicaraan dan guaman yang berhubung dengan Hukum Syarak.
3. Hakim yang bertanggung jawab dengan perbicaraan guaman yang tidak berhubung dengan Hukum Syarak.⁽¹⁵⁾

15 Kelantan dari zaman kezaman M.S. 71 - 68 oleh Mohamad Hussain Kholei Haji Awang dan Sejarah Perkembangan Ulamak Kelantan oleh Nik Ab. Aziz Haji Nik Hassan, keluaran pustaka Dian halaman 20.

Melihat kedudukan yang didapati itu menunjukkan bahawa negeri Kelantan pada masa pemerintahan Sultan Mohamed ke Dua lagi, iaitu dalam tahun 1838 hingga tahun 1886 sudah ada Mahkamah Syariah yang membicarakan dan memutus pertikaian-pertikaian mengikut secara islam. Walau pun tidak wujud Mahkamah secara rasmi tetapi tempat perbicaraan itulah Mahkamah. Lazimnya tempat perbicaraan atau Mahkamah itu diadakan dibalai istana. (16)

Tahun 1889 Negeri Kelantan diperintah oleh Tengku Long Kundor yang bergelar Sultan Mohamed Ke-tiga, baginda telah meneruskan dasar pemerintahan Sultan Mohamad Kedua dengan memperluaskan Undang-undang Islam kepada semua perkara. Semua perbicaraan Jenayah dan Mal dijalan mengikut Hukum Syarak. Pencuri bila thabit kesalahan dihukum kerat tangan, Penzina direjam atau sebat, Pembunuh dibunuh balas kecuali warith-warith simati sanggup menerima Diat, dan orang islam tidak puasa ditaksir, cukur kepala diarak dikhalayak ramai. (17)

Dengan pemerintahan cara islam itu Negeri Kelantan telah didapati ketika itu aman damai, hasil mahsul dan dagangan keluar masuk ke negeri itu bertambah-tambah. Rakyat hidup dibawah negara islam itu dengan bebas, tidak takut kecuali kepada Allah. Ini bukti menunjukkan pemerintahan mengikut hukum Allah sentiasa mendapat pertolongan daripadanya, kerana Allah sendiri yang memberi perlindungan kepada negara itu.

16 Hasil temubual dengan orang-orang tua di Lorong Tok Semian Kota Bharu pada 2hb. Januari, 1986.

17 Sejarah Kelantan oleh Arifin b. Ab. Rashid dan halaman 77
ibid Mohd. Hussain Kholei halaman 88.

Selepas tahun 1902 Negeri Kelantan telah menerima seorang penasihat Beritish yang dihantar oleh Kerajaan Siam iaitu setelah kerajaan Siam dan Beritish menanda tangan satu perjanjian tahun 1902. Pada tahun 1909 satu perjanjian lagi dibuat diantara mereka, akibatnya Negeri Kelantan diletak di bawah naungan Beritish, dan seorang penasihat lain dihantar ke Negeri Kelantan. Mulai dari situ sedikit demi sedikit pemerintahan Negeri Kelantan secara Islam telah bertukar kepada pemerintahan secara sekular.

Dalam tahun 1904 Majlis Mesyuarat Negeri telah meluluskan Undang-undang Mahkamah dan penubuhan Pasukan Polis. Dalam tahun itulah ditubuhkan empat jenis Mahkamah iaitu:-

1. Mahkamah Tinggi yang dinamakan Mahkamah Balai. Mahkamah ini membicarakan kis-kis, bunuh, rompak, samun dan lain-lain.
2. Mahkamah Adat, yang membicarakan kis-kis curi rugul dan lain-lain.
3. Mahkamah Tanah yang membicarakan kis-kis yang berhubung dengan tanah.
4. Mahkamah Syarak, yang membicarakan hal-hal nikah cerai dan keluarga orang-orang Islam.⁽¹⁸⁾

Dalam tahun 1916 diwujudkan Undang-undang Nikah Cerai, yang dikenal dengan nama notis nombur 18 tahun 1916. Sebelum dari itu diwujudkan Undang-undang Mahkamah Syariah yang dikenal dengan

18 ibid Hussain Kholei halaman 97 dan 98.